

# Mekanisasi di ladang masih rendah

Oleh SHAFIQAH SHUKOR  
shafiqah.shukor@mediamulia.com.my


**PETALING JAYA:** Tahap penggunaan mekanisasi bagi penuaian dan pemungghaan buah tandan segar (BTS) di syarikat perladangan masih rendah, sekali gus menyukarkan sektor tersebut mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing bagi memaksimumkan pengeluaran.

Menurut Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), data diperoleh daripada Unit Tekno Ekonomi menunjukkan hanya 12.6 peratus syarikat perladangan menggunakan mekanisasi bagi penuaian dan bagi pemungghaan telah mencecah 53.5 peratus.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir berkata, peratusan itu adalah berdasarkan luas kawasan tertanam bagi kawasan yang ditinjau.

Katanya, berdasarkan tinjauan itu, kemungkinan peratusan adaptasi mekanisasi terkini mungkin sedikit tinggi namun mekanisasi masih belum digunakan secara meluas di ladang-ladang.

“Faktor yang mempengaruhi adaptasi mekanisasi pada kadar yang berkenaan untuk mekanisasi penuaian adalah ber-



**SEORANG** pekerja kelihatan sedang mengutip tandan kelapa sawit di sebuah ladang sawit di Bandar Baru Enstek, baru-baru ini. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

dasarkan data peratusan pokok yang boleh menggunakan cantas.

“Hanya lebih kurang 30 hingga 40 peratus sahaja kawasan yang boleh menggunakan teknologi berkenaan. Sebanyak 43 peratus adalah kawasan pokok yang lebih daripada 15 tahun yang tidak boleh menggunakan cantas dan selebihnya

adalah kawasan tanam semula dan juga kawasan pokok belum matang serta kawasan pekebun kecil yang tidak ekonomi menggunakan teknologi itu.

“Maklum balas juga diterima bahawa banyak estet kecil tidak mempunyai sistem untuk mengadaptasi mekanisasi penuaian. Oleh yang demikian, penggunaan teknologi seperti

Cantas tidak dapat diterima secara efektif,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Ahmad Parveez, bagi mekanisasi pemungghaan BTS pula, ladang atau kawasan ladang yang tidak menggunakan kaedah mekanisasi bagi pemungghaan BTS adalah disebabkan faktor seperti topografi (kawasan berbukit), jenis tanah

dan keadaan fizikal lain yang menyebabkan susah untuk adaptasi dilaksanakan.

Selain itu, jelasnya, kebanyakan polisi ladang yang menetapkan 10 peratus kawasan untuk tanam semula, menyebabkan mekanisasi pemungghaan BTS tidak ekonomi dilaksanakan sehingga hasil mencecah 15 tan sehektar setahun.

“Sektor perladangan sawit berdepan dengan masalah kebergantungan yang tinggi kepada pekerja asing.

“Oleh itu, pihak ladang perlu meningkatkan produktiviti melalui penggunaan mekanisasi dan penggunaan input pertanian secara berkesan memandangkan negara kini berdepan dengan masalah pengeluaran minyak sawit berikutan isu kekurangan tenaga buruh,” katanya.

Ujarnya, prestasi pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) Malaysia sehingga kini menunjukkan penurunan.

“Bagi tempoh Januari hingga Mei 2022, pengeluaran MSM negara menurun sebanyak 0.5 peratus kepada 6.73 juta tan, berbanding tempoh sama tahun 2021.

“Pengeluaran MSM rendah disebabkan kejatuhan hasil BTS yang telah merosot 3.1 peratus kepada 5.63 tan sehektar bagi tempoh Januari-Mei,” katanya.